



KENYATAAN MEDIA

AADK AKAN BERI KERJASAMA PENUH KEPADA EAIC

10 JUN 2025

Agensi Antidadah Kebangsaan (AADK) ingin menarik perhatian mengenai laporan siasatan Suruhanjaya Integriti Agensi Penguatkuasaan (EAIC) mengenai aduan AADK Negeri Sembilan melepaskan penagih yang didapati positif dadah semasa operasi serbuan yang disiarkan dalam siaran media bertarikh 10 Jun 2025.

Berhubung siasatan itu, AADK tidak sesekali berkompromi atau melindungi mana-mana kakitangan yang terlibat semua isu salah laku dan pelanggaran integriti. Tindakan tegas akan diambil terhadap mana-mana kakitangan jika didapati bersalah berdasarkan peruntukan perundangan sedia ada.

Sehubungan itu, AADK sentiasa mengingatkan kepada semua kakitangan untuk melaksanakan tugas dan tanggungjawab dengan penuh berintegriti dengan mematuhi prosedur operasi standard (SOP) serta garis panduan berdasarkan Sistem Pengurusan Antirasuah (ABMS).

AADK akan terus bekerjasama erat dengan EAIC dalam usaha peningkatan tadbir urus yang baik dalam agensi khususnya yang melibatkan siasatan terhadap sebarang aduan salah laku dan integriti dalam kalangan kakitangan AADK.

#TAMAT#

DATO' RUSLIN BIN JUSOH
KETUA PENGARAH
AGENCI ANTIDADAH KEBANGSAAN

